



LAPORAN MINGGUAN
STATUS SURVELAN AVIAN INFLUENZA DI MALAYSIA
(31 MAC – 11 APRIL 2014)

1. Aktiviti surveilan avian influenza oleh pihak DVS masih aktif dijalankan dan status terkini surveilan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Jadual Aktiviti Survelan Avian Influenza di Malaysia

Kategori	Bil. Premis	Bil. Sampel yang siap diuji	Penemuan
Ayam kampung	2,093	30,541	Negatif
Itik	1,011	23,816	Negatif
Lain-lain jenis unggas / Kedai burung	1,081	11,999	Negatif
Ayam komersil	352	16,369	Negatif
Pintu-pintu masuk	112	3,110	Negatif
Pasar basah	52	430	Negatif
Santuari burung	17	236	Negatif

* maklumat yang diperolehi adalah dari tahun 2011 sehingga kini

2. Survelan avian influenza yang telah dijalankan ke atas premis-premis berisiko di Malaysia bermula pada pertengahan bulan April 2013, mendapati kesemua sampel unggas dan ayam yang diuji untuk mengesan influenza virus adalah negatif. Ini menunjukkan bahawa negara adalah bebas jangkitan avian influenza sehingga **11 April 2014**.

Disediakan oleh:
Seksyen Epidemiologi dan Survelan,
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Putrajaya.
www.dvs.gov.my